

3755/1  
PERDAGANGAN  
Kertas 1  
September

1 1/4 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2012**

**PERDAGANGAN  
TINGKATAN 5**

**Kertas 1**

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.



---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

- 1 Antara berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang keperluan manusia?
- A Berubah mengikut taraf hidup
  - B Boleh disusun mengikut keutamaan
  - C Dipelajari daripada pengalaman dan persekitaran
  - D Berbeza berdasarkan umur, cita rasa dan pendapatan individu
- 2 Pernyataan manakah yang menerangkan pengeluaran langsung ?
- A Encik Musa menjual ikan yang dibeli daripada nelayan
  - B Puan Mispah membuat kuih raya yang ditempah oleh pelanggan
  - C Encik Misnan menanam ubi kayu untuk keperluan keluarganya
  - D Puan Markonah menjahit baju yang ditempah oleh butik pengantin
- 3 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan peranan usahawan kepada masyarakat?
- I Puan Ani mengambil penduduk sekitar untuk bekerja di hotel kepunyaannya
  - II Encik Raj menjual ikan kepada penduduk di taman perumahannya
  - III Puan Nisa membeli 30 buah komputer untuk kegunaan pejabatnya
  - IV Encik Anuar mempelbagaikan jenis kerepek yang dijualnya
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 4 Pernyataan manakah yang menunjukkan kelebihan pengkhususan?
- A Hasil keluaran tiada variasi
  - B Mahir satu proses pengeluaran sahaja
  - C Menikmati ekonomi bidangan
  - D Tidak dapat mencipta barang secara bersendirian
- 5 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud perniagaan?
- A Mengeluarkan barangan untuk memenuhi kehendak manusia
  - B Mengagihkan barangan daripada pengeluar kepada pengguna

- C Menyelaraskan permintaan dan penawaran barang di pasaran
- D Membeli dan menjual barangan untuk mendapatkan keuntungan

6 Maklumat di bawah merujuk kepada sejenis bantuan perniagaan.

- Mengelakkan pembaziran
- Mengurangkan kos penyimpanan stok
- Menggalakkan pengeluaran secara besar-besaran

Apakah bantuan perniagaan tersebut?

- A Pengangkutan
- B Komunikasi
- C Perbankan
- D Promosi

7 Apakah maksud perniagaan dalam negeri?

- A Aktiviti memasarkan barang dari pengeluar kepada pengguna
- B Aktiviti mengagihkan barang dari pengeluar kepada pengguna akhir
- C Aktiviti membeli dan menjual barang antara penduduk dalam negara
- D Aktiviti membeli dan menjual barang untuk mendapatkan keuntungan

8 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan runcit.

- Menyediakan kemudahan tempat letak kereta, mesin juruwang automatik dan troli
- Menempatkan pelbagai jenis barang, berkualiti dan beraneka pilihan di bawah satu bumbung

Apakah kesan kepada pengguna?

- A Menjimatkan masa
- B Menambahkan jualan

- C Mengurangkan perbelanjaan
- D Menyediakan perkhidmatan selepas jualan

9 Maklumat berikut menunjukkan satu keadaan yang menyebabkan pengambilalihan fungsi pemborong.



Apakah keadaan tersebut?

- A Perlantikan cjen oleh pengeluar
- B Bentuk lain peruncitan
- C Penubuhan kedai sejaras
- D Barang yang dipesan khas

10 Berikut adalah maklumat mengenai sejenis kaedah jualan.


- ❖ Barang menjadi milik pembeli setelah deposit dibayar
- ❖ Barang yang dijual tidak boleh ditarik balik oleh penjual
- ❖ Harga lebih mahal berbanding membeli secara tunai

Apakah kaedah jualan tersebut?

- A Jualan konsainan
- B Bayaran tertunda
- C Jualan kredit
- D Sewa beli



- 11 Rajah berikut menunjukkan satu aktiviti perniagaan.



Apakah perniagaan tersebut ?

- A Perniagaan dua hala
  - B Perniagaan antarabangsa
  - C Perniagaan import eksport
  - D Perniagaan antara negara
- 12 Apakah tatacara yang perlu dipatuhi oleh pengeksport setelah menerima inden?
- I Menuntut bayaran daripada pengimport
  - II Memuatkan barang ke dalam kapal
  - III Menyediakan dokumen berkenaan
  - IV Menempah ruang dalam kapal
- A II, I, IV dan III
  - B IV, III, II dan I
  - C IV, II, I dan III
  - D III, IV, II dan I

- 13 Maklumat berikut adalah berkenaan suatu dokumen perniagaan antarabangsa.



Dokumen yang dikeluarkan oleh syarikat perkapalan untuk pengeksport yang menghantar barang menggunakan pengangkutan laut

Apakah dokumen tersebut?

- A Invois Konsular
- B Invois Eksport
- C Sijil Asal Usul
- D Bil Muatan

14 Penyataan manakah yang menerangkan ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

- A Pekerja terdiri daripada pekerja mahir
- B Menggunakan kaedah pengeluaran berteknologi tinggi
- C Teknologi pengeluaran lebih kepada intensif modal
- D Mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta

15 Antara yang berikut, manakah kepentingan industri kecil dan sederhana kepada negara?

- I Mengurangkan pengangguran
  - II Mengurangkan import barang pengguna
  - III Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
  - IV Menggunakan kebolehan, daya cipta dan kreativiti
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

16 Maklumat berikut berkaitan dengan satu program kerajaan untuk mengatasi masalah Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

- Mewujudkan program pembangunan pembekal
- Skim pertukaran pemberian subkontrak
- Pameran barang IKS

Apakah program tersebut?

- A Rangkaian industri
- B Bantuan kewangan

- C Pembangunan pemasaran
- D Pembangunan infrastruktur

17 Antara berikut, yang manakah menunjukkan cara untuk memulakan sesuatu perniagaan?

- A Diundang
- B Pesanan mel
- C Kedai sejaras
- D Jualan langsung

18 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis milikan perniagaan.

- Menanggung liabiliti tidak terhad
- Bilangan pemilik 2 hingga 20 orang
- Agihan keuntungan mengikut nisbah yang ditetapkan

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Milikan tunggal
- D Perbadanan Awam

19 Gambar di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan.



Apakah pemilikan perniagaan tersebut?

- A Syarikat Sendirian Berhad
- B Syarikat Awam Berhad

- C Perbadanan Awam
- D Penswastaan

20 Pada 1 Jan 2010, Puan Saliza membeli sebuah rumah dengan harga RM 120 000. Dia menyewakan rumah itu mulai 1 Mac 2010 dengan kadar RM 600 sebulan. Pada 30 Mac 2011, dia menjual rumah itu dengan harga RM 175 000.

Hitungkan jumlah pulangan yang diperoleh atas pelaburan Puan Saliza itu.

- A RM 17 800
- B RM 62 000
- C RM 55 000
- D RM 62 800

21 Antara berikut yang manakah peranan Bursa Saham Kuala Lumpur(BSKL)?

- A Mengawal aktiviti spekulasi
- B Menentukan keadaan ekonomi negara
- C Memantau kemajuan prestasi syarikat
- D Menyedia dan menyebarkan maklumat kewangan syarikat

22 Maklumat berikut adalah berkaitan sejenis pelaburan.

- Risiko rendah
- Pulangan dalam bentuk keuntungan modal
- Pendapatan dalam bentuk dividen dan bonus

Apakah pelaburan tersebut ?

- A Harta tanah
- B Amanah saham
- C Akaun pelaburan
- D Amanah harta tanah



- 26 Dialog di bawah menunjukkan perbualan di antara Encik Zulkifli dengan seorang pengurus syarikat insurans.


Encik Zulkifli : Mengapakan tuntutan saya ditolak?

Encik Dahlan : Doktor telah mengesahkan bahawa ibu anda ada penyakit keturunan sebelum dia meninggal dunia. Jadi, syarikat kita tidak akan membayar sebarang tuntutan.

Apakah prinsip insurans yang gagal dipatuhi oleh ibu Encik Zulkifli?

- A Kepentingan boleh insurans
- B Doktrin sebab hampiran
- C Penuh percaya mutlak
- D Indemniti

- 27 Rajah berikut berkaitan dengan insurans hayat.



Apakah X?

- A Insurans gadaian
- B Insurans kesihatan
- C Insurans endowment
- D Insurans kemalangan

- 28 Apakah kekurangan penggunaan saluran paip gas di rumah kediaman?

- A Kos penyelenggaraan murah
- B Tiada kerja pemunggaan
- C Bekalan berterusan
- D Kegunaan terbatas

29 Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan satu cara mengangkut barang.

- Keselamatan terjamin
- Menjimatkan masa dan kos
- Peraturan kastam dapat dipermudahkan

Apakah cara mengangkut barang tersebut?

- A Pengangkutan bersepadu
- B Pengangkutan bebas
- C Perkhidmatan kurier
- D Pengkontenaan

30 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan komunikasi kepada peniaga.

- Mengetahui masa penghantaran barang
- Mengetahui jadual perjalanan syarikat pengangkutan
- Membantu membuat perancangan dan persediaan perniagaan


Apakah peranan tersebut?

- A Meluaskan pasaran
- B Menyebarkan maklumat
- C Melicinkan aktiviti perdagangan
- D Mengelakkan kerugian dan kerosakan

31 Mengapakah perkhidmatan kurier semakin popular dalam dunia perniagaan pada masa kini?

- I Mengendalikan semua jenis pengiriman termasuk kargo dan mel biasa
- II Kos perkhidmatan adalah lebih murah daripada pengiriman biasa
- III Barang dipungut dan diserahkan dari pintu ke pintu dengan cepat
- IV Selamat untuk penghantaran dokumen penting

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV




- 32 Ciri gudang yang manakah mengaplikasikan sistem pengkomputeran dalam pentadbiran?
- A Mempunyai ciri keselamatan
  - B Mempunyai ruang yang mencukupi
  - C Mempunyai peralatan yang mencukupi
  - D Mempunyai pengurusan gudang yang cekap
- 33 Rajah di bawah menunjukkan satu jenis iklan.

|                                                                                                                                                                                                                                 |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>GUDANG UNTUK DISEWA</b>                                                                                                                                                                                                      |
| Anda tiada tempat untuk menyimpan barang ?                                                                                                                                                                                      |
| <p>Gudang kami sesuai untuk peniaga yang kekurangan modal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembayaran cukai import boleh ditangguhkan</li> <li>Boleh cagarkan barang dalam gudang untuk dapatkan pinjaman</li> </ul> |
| <p style="text-align: center;">Lokasi gudang:</p> <p style="text-align: center;">Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Pasir Gudang , Pelabuhan Klang</p> <p style="text-align: center;">Hubungi : Hasnita 013-9086754</p>               |
| <b>KADAR SEWA TERENDAH</b>                                                                                                                                                                                                      |

Apakah jenis gudang yang ditawarkan?

- A Gudang pengilang
  - B Gudang kerajaan
  - C Gudang peruncit
  - D Gudang berlesen
- 34 Rajah di bawah menunjukkan peranan sebuah gudang.



Apakah gudang X?

- A Gudang pemborong
- B Gudang pengilang
- C Gudang kerajaan
- D Gudang kastam

35 Rajah di bawah menunjukkan campuran pemasaran.




Apakah Z?

- A Produk
- B Publisiti
- C Pengiklanan
- D Promosi jualan

36 Berikut adalah maklumat daripada keratan akhbar tempatan.

**MENARIK DI PASARAN**  
Oleh : Afidah MS

**Tablet Pelbagai Guna**  
Tablet bukan sekadar telefon tetapi internet di hujung jari.



Berikhtamkan teknologi terkini, Samsung memperkenalkan tablet terbaru yang berskrin sentuh superamoled

*Akhbar Harian Nasional: Selasa 31 Julai 2012*

Apakah jenis promosi tersebut?

- A Promosi jualan
- B Publisiti
- C Jualan langsung
- D Pengiklanan

37 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.

- Memaju dan mengkomersialkan penemuan penyelidikan
- Menyediakan perkhidmatan nasihat teknikal dan perundingan kepada pihak industri sawit
- Merancang dan membangunkan sumber manusia selaras dengan keperluan industri sawit

Apakah agensi kerajaan yang dinyatakan di atas?

- A MARDI
- B SIRIM
- C MPOB
- D MRB

38 Mengapakah kerajaan Malaysia memberi potongan cukai kepada para peniaga?

- I Meningkatkan jualan
- II Meningkatkan belian
- III Menggalakkan import
- IV Menggalakkan eksport

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



39 Antara yang berikut, yang manakah tanggungjawab pengeluar?

- I Memelihara alam sekitar
- II Mempertahankan hak pengguna

- III Menggubal kod etika amalan perniagaan
- IV Menggunakan timbangan yang betul
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Antara berikut, agensi manakah yang boleh membantu pengguna membuat tuntutan gantirugi?

- A Tribunal Tuntutan Pengguna
- B Kementerian Kesihatan
- C Persatuan Pengguna
- D Majlis Pengguna

### KERTAS SOALAN TAMAT



3755/2  
PERDAGANGAN  
Kertas 2  
September

2 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2012**

**PERDAGANGAN  
TINGKATAN 5**

**Kertas 2**

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam bahagian B.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tuliskan jawapan yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.




---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Bahagian A  
[75 markah]  
Jawab **tiga** soalan sahaja.

1(a) Apakah maksud kehendak? [3 markah]

(b) Rajah di bawah menunjukkan cabang pengeluaran.



Huraikan X, Y dan Z. [9 markah]


(c) Maklumat di bawah adalah mengenai Puan Rosma dan Puan Juliana.

| Puan Rosma                                                                                  | Puan Juliana                                                                      |
|---------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| Membuka gerai menjual nasi lemak dan berjaya membuka restoran sendiri tujuh tahun kemudian. | Membuka gerai menjual nasi lemak dan berjaya mengekalkan gerai nasi sehingga tua. |

Terangkan perbezaan di antara Puan Rosma dengan Puan Juliana. [6 markah]

(d) Terangkan kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran. [7 markah]


2(a) Gambar di bawah menunjukkan barang-barang keperluan harian pengguna.



(i) Tentukan jenis saluran agihan yang sesuai digunakan bagi barang-barang tersebut. [1 markah]

(ii) Kemukakan alasan pemilihan saluran agihan di a(i). [4 markah]

(b) Gambar di bawah menunjukkan sebuah perniagaan.



Jelaskan kelebihan perniagaan ini kepada:

(i) Peniaga [3 markah]

(ii) Pelanggan [3 markah]

(c) Gambar di bawah menunjukkan tanda perniagaan sejenis pemborong.



(i) Apakah jenis pemborong tersebut? [1 markah]

(ii) Nyatakan ciri-ciri pemborong ini. [6 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan Zulaikha.

Zulaikha lebih suka membeli kad prabayar di kedai bagi menambah nilai penggunaan telefon bimbitnya dari terikat menggunakan talian tetap dengan syarikat telekomunikasi.

Jelaskan kelebihan kaedah jualan tersebut kepada:

(i) Zulaikha [3 markah]

(ii) Pekedai [4 markah]

3(a) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh Encik Khalid.

Encik Khalid ialah seorang pengusaha perabot ukiran dari Maran, Pahang. Beliau bercadang untuk memasarkan hasil perabutnya ke negara Britain dan dalam masa yang sama beliau juga mengambil pekerja dari Indonesia untuk bekerja di kilangnya. Tambahan lagi bayaran gaji pekerja Indonesia lebih rendah berbanding gaji pekerja tempatan.

- (i) Apakah jenis perniagaan tersebut. [1 markah]  
 (ii) Nyatakan eksport nyata dan import tak nyata. [2 markah]  
 (iii) Terangkan **dua** kepentingan perniagaan di atas kepada Encik Khalid. [4 markah]


(b) Maklumat berikut berkaitan dokumen perniagaan yang digunakan dalam perniagaan antarabangsa oleh Syarikat Kereta Kejora.

|                                                                                                                                                                                                                                             |                                          |                                                                                                                                                                                |                                |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| Penghantar:<br>Syarikat Kereta Kejora,<br>41000 Shah Alam, Selangor.<br><br>Pencrima konsainan:<br>International Automobile<br>P.O. Box 255 United Kingdom.<br><br>Kapal tempahan: KCT Gemilang<br>Tempat barang dimuatkan: Pelabuhan Klang |                                          | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 30px; margin: 0 auto; line-height: 30px;">P</div><br><br>No. Bil. Muatan: EFG 233<br>Rujukan kapal: PK 555          |                                |
| <b>Tempat Berlepas:</b><br><b>KLANG</b>                                                                                                                                                                                                     | <b>Tempat dituju:</b><br><b>NEW YORK</b> | <b>Freight sudah dibayar</b>                                                                                                                                                   | <b>Jumlah bil muatan (dua)</b> |
| <b>Tanda dan Nombor</b>                                                                                                                                                                                                                     | <b>Kuantiti</b>                          | <b>Keterangan</b>                                                                                                                                                              | <b>Ukuran (kubik meter)</b>    |
| <b>PNC 4122</b>                                                                                                                                                                                                                             | <b>25 UNIT</b>                           | <b>Kereta Promas</b>                                                                                                                                                           | <b>300 m</b>                   |
|                                                                                                                                                          |                                          | <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <b>Jumlah unit:</b><br/> <b>Dua puluh lima</b><br/> <b>Tempat dikeluarkan: Klang</b><br/> <b>Tandatangan:.....</b> </div> |                                |

Terangkan fungsi dokumen P di atas.

[6 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan cara memulakan perniagaan.



Memulakan sendiri

Mengambil alih

Warisan

Huraikan **tiga** cara memulakan perniagaan di atas.

[6 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan yang dibuat oleh Encik Kamarol.



Saham

Rumah banglo

Terangkan **dua** jenis pulangan yang diperolehi oleh Encik Kamarol bagi setiap pelaburan tersebut.

[6 markah]

- 4(a) Pernyataan berikut berkaitan dengan seorang peniaga.

Puan Jamilah ialah seorang pereka fesyen yang berjaya di Kuantan dan sering ke luar negara seperti ke China dan Korea dan mendapatkan bekalan fabrik yang bermutu tinggi dan corak terkini. Beliau memilih menggunakan kad kredit untuk membuat pembayaran dalam urusan tersebut.

Mengapakah Puan Jamilah menggunakan kaedah pembayaran tersebut.

[7 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan Encik Nordin.

Beliau ingin mengusahakan tanaman 'dragon fruit' dan buah jambu madu di tanah seluas 15 hektar. Memandangkan beliau tidak mempunyai jentera yang cukup, beliau telah menghubungi syarikat yang ada menawarkan skim perkhidmatan menyewa jentera yang diperlukan olehnya.


- (i) Apakah syarikat pembiayaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Huraikan faedah yang boleh diperolehi oleh Encik Nordin daripada skim itu. [5 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan Pak Tam.

Pak Tam seorang peniaga telah menginsuranskan bangunan kedainya daripada kebakaran. Semasa mengisi borang cadangan, beliau tidak menyatakan kedainya terletak berhampiran stesyen minyak. Kedai runcitnya terbakar disebabkan kebakaran yang berlaku di stesyen minyak itu.

- (i) Adakah tuntutan gantirugi Pak Tam berjaya? [1 markah]
- (ii) Kemukakan alasan anda bagi c(i) di atas. [4 markah]

(d) Rajah di bawah menunjukkan jenis insurans.




Huraikan insurans Q.

[7 markah]

- 5(a) Encik Micheal pemilik 'Woodland Entrepise' di Cameron Highland ingin menghantar papan lapis ke negara Vietman dengan menggunakan pengangkutan laut.  
Terangkan mengapa beliau memilih pengangkutan tersebut. [6 markah]

- (b) Gambar menunjukkan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat swasta.



- (i) Apakah jenis perkhidmatan yang dimaksudkan? [1 markah]  
(ii) Terangkan perkhidmatan yang dinyatakan di b (i) di atas. [5 markah]
- (c) Terangkan **tiga** ciri gudang yang baik. [4 markah]
- (d) Kejayaan pemasaran bergantung kepada keberkesanan campuran pemasaran.  
Terangkan **dua** unsur dalam campuran pemasaran. [4 markah]
- (e) Nyatakan **lima** penyelewengan atau amalan kurang beretika yang sering dilakukan oleh penjual terhadap pengguna. [5 markah]



- (c) (i) Cadangkan media elektronik yang sesuai digunakan oleh Puan Fazira. [1 markah]
- (ii) Jelaskan alasan bagi cadangan anda di atas. [5 markah]
- (d) (i) Apakah agensi kerajaan yang dapat membantu Puan Fazira untuk mendapat pelanggan seluruh dunia. [1 markah]
- (ii) Nyatakan peranan agensi di d(i). [5 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2012  
PERDAGANGAN

KERTAS 1

| SOALAN | JAWAPAN | SOALAN | JAWAPAN |
|--------|---------|--------|---------|
| 1      | B       | 21     | D       |
| 2      | C       | 22     | B       |
| 3      | B       | 23     | B       |
| 4      | C       | 24     | A       |
| 5      | D       | 25     | C       |
| 6      | A       | 26     | C       |
| 7      | C       | 27     | C       |
| 8      | A       | 28     | D       |
| 9      | C       | 29     | D       |
| 10     | B       | 30     | C       |
| 11     | B       | 31     | D       |
| 12     | B       | 32     | D       |
| 13     | D       | 33     | D       |
| 14     | D       | 34     | A       |
| 15     | A       | 35     | A       |
| 16     | C       | 36     | B       |
| 17     | A       | 37     | C       |
| 18     | B       | 38     | B       |
| 19     | C       | 39     | B       |
| 20     | D       | 40     | A       |

PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2012  
PERDAGANGAN

KERTAS 2

| SOALAN | BUTIRAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | MARKAH                                                                                                        |
|--------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1(a)   | <p>Maksud kehendak:</p> <p>H1 Sesuatu yang diinginkan untuk hidup lebih selesa/mewah/tidak perlu untuk hidup</p> <p>H2 Menunjukkan kemewahan/kepuasan/lambang status</p> <p>H3 Berbeza mengikut individu/pendapatan</p> <p>H4 Contoh</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <hr/> <p>4m</p> <p>Mak 3m</p>                                             |
| 1(b)   | <p>Cabang pengeluaran:</p> <p>X Perdagangan</p> <p>H1a Aktiviti pengagihan barang/ perkhidmatan</p> <p>H1b Melibatkan perniagaan dan bantuan perniagaan</p> <p>C1 Perniagaan runcit/ Perniagaan borong/ Perbankan/ Insurans/ Pengangkutan/ Komunikasi/ Pergudangan/ Promosi</p> <p>Y Khidmat langsung</p> <p>H2 Aktiviti pengeluaran yang memberi perkhidmatan</p> <p>C2 Doktor/ Guru/ Peguam</p> <p>Z Perkilangan</p> <p>H3 Aktiviti memproses bahan mentah menjadi barang separuh siap/barang siap</p> <p>C3 Industri petroleum/Pengetinan makanan/Pemasangan kereta</p> <p style="text-align: right;"><b>3F + 3H + 3C</b></p> | <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <hr/> <p>Mak 9m</p> |

| 1(c)                                                                 | <div>Perbezaan di antara Puan Rosma dengan Puan Juliana:</div> <table><thead><tr><th>Puan Rosma(Usahawan)</th><th>Puan Juliana(Peniaga)</th></tr></thead><tbody><tr><td>H1 Mencarai peluang mengembangkan perniagaan</td><td>H1 Tidak melakukan perubahan ke atas perniagaan</td></tr><tr><td>H2 Keuntungan disumbangkan kepada masyarakat</td><td>H2 Keuntungan untuk menyara hidup</td></tr><tr><td>H3 Menumpukan aktiviti mencipta/meneroka/ membuat sesuatu berinovasi</td><td>H3 Menumpukan aktiviti kepada aktiviti jual beli</td></tr><tr><td>H4 Saiz perniagaan kecil dan sentiasa berkembang</td><td>H4 Saiz perniagaan kecil dan tidak berkembang</td></tr></tbody></table> | Puan Rosma(Usahawan)                                                                                                       | Puan Juliana(Peniaga) | H1 Mencarai peluang mengembangkan perniagaan | H1 Tidak melakukan perubahan ke atas perniagaan | H2 Keuntungan disumbangkan kepada masyarakat | H2 Keuntungan untuk menyara hidup | H3 Menumpukan aktiviti mencipta/meneroka/ membuat sesuatu berinovasi | H3 Menumpukan aktiviti kepada aktiviti jual beli | H4 Saiz perniagaan kecil dan sentiasa berkembang | H4 Saiz perniagaan kecil dan tidak berkembang | <div>2</div> <div>2</div> <div>2</div> <div>2</div> <div>8m</div> <div>Mak 6m</div> |
|----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------------------------------------|-------------------------------------------------|----------------------------------------------|-----------------------------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------|-----------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| Puan Rosma(Usahawan)                                                 | Puan Juliana(Peniaga)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                            |                       |                                              |                                                 |                                              |                                   |                                                                      |                                                  |                                                  |                                               |                                                                                     |
| H1 Mencarai peluang mengembangkan perniagaan                         | H1 Tidak melakukan perubahan ke atas perniagaan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                            |                       |                                              |                                                 |                                              |                                   |                                                                      |                                                  |                                                  |                                               |                                                                                     |
| H2 Keuntungan disumbangkan kepada masyarakat                         | H2 Keuntungan untuk menyara hidup                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                            |                       |                                              |                                                 |                                              |                                   |                                                                      |                                                  |                                                  |                                               |                                                                                     |
| H3 Menumpukan aktiviti mencipta/meneroka/ membuat sesuatu berinovasi | H3 Menumpukan aktiviti kepada aktiviti jual beli                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                            |                       |                                              |                                                 |                                              |                                   |                                                                      |                                                  |                                                  |                                               |                                                                                     |
| H4 Saiz perniagaan kecil dan sentiasa berkembang                     | H4 Saiz perniagaan kecil dan tidak berkembang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                            |                       |                                              |                                                 |                                              |                                   |                                                                      |                                                  |                                                  |                                               |                                                                                     |
| 1(d)                                                                 | <div>Kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran:</div> <div><div>F1 Kemahiran pekerja meningkat</div><div>H1 pekerja menguasai cara terbaik melakukan pekerjaan</div><div>F2 Meningkatkan pengeluaran</div><div>H2 Produktiviti meningkat</div><div>F3 Kerja rumit dilakukan dengan mesin</div><div>H3 menjimatkan masa/ kos pekerja</div><div>F4 Menikmati ekonomi bidangan</div><div>H4 kos pengeluaran disebarkan kepada sejumlah unit keluaran yang banyak</div></div>                                                                                                                                                                                                              | <div>1</div> <div>1</div> <div>1</div> <div>1</div> <div>1</div> <div>1</div> <div>1</div> <div>8m</div> <div>Mak 7m</div> |                       |                                              |                                                 |                                              |                                   |                                                                      |                                                  |                                                  |                                               |                                                                                     |
